

# Rakyat Malaysia bertuah tiada yang mati kelaparan

UM 28 JAN 2003

KUALA LUMPUR 27 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat Malaysia amat bertuah kerana tidak ada golongan yang terlalu miskin atau tertekan sehingga mati kelaparan seperti di negara lain.

Perdana Menteri berkata, nasib malang itu dapat dielakkan kerana masih ada golongan rakyat prihatin yang sanggup menghulurkan bantuan dan sumbangan.

“Alhamdulillah, negara kita yang bertuah ini melimpah ruah dengan rezeki yang banyak. Ini membolehkan kita memberi bantuan serta membela golongan yang kurang bernasib baik,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian dalam perutusannya dalam buku cenderamata Malam Anugerah Sempena Perayaan Ulang Tahun Ke-25 Badan Amal dan Kebajikan Isteri-Isteri (Bakti) di Hotel Mandarin Oriental di sini malam ini.

Dr. Mahathir yang juga Penaung Bakti turut menghadiri majlis berkenaan bersama timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut Perdana Menteri, Bakti sebagai badan amal yang diterajui serta dianggotai oleh isteri pemimpin negara telah mendokong dengan jayanya dasar kerajaan yang menekankan kepa-

da konsep masyarakat penyayang. “Walaupun dalam usia yang agak muda, Bakti sebagai satu badan amal telah membuktikan kejayaannya dalam membantu golongan yang kurang bernasib baik menerusi pelbagai sumbangan dan bantuan yang disalurkan kepada pelbagai pihak,” katanya.

Yang Dipertua Bakti, Datin Seri Dr. Siti Hasmah yang berucap pada majlis itu berkata, badan itu akan meneruskan usaha membantu pelbagai golongan di negara ini seperti memberi bantuan kebajikan dan bantuan kepada mangsa bencana alam serta biasiswa.

Beliau yang menyampaikan penghargaan kepada tokoh-tokoh yang berjasa kepada Bakti sejak penubuhannya pada tahun 1977 turut mengucapkan terima kasih kepada individu, syarikat swasta dan pertubuhan lain yang bersama menyokong pertubuhan itu dalam setiap kegiatannya.

Majlis itu turut dihadiri oleh isteri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Endon Mahmood, para menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen, menteri besar dan ketua menteri, bekas menteri dan timbalan menteri serta isteri dan suami masing-masing.